



## **SIARAN MEDIA**

### **OPERASI BERSEPADU MEROBOH PREMIS CUCI KERETA TANPA KELULUSAN DI TASIK BIRU KUNDANG**

MPS telah melaksanakan Operasi Bersepadu Premis Cuci Kereta di Tasik Biru Kundang pada 21 Februari 2019. Aktiviti ini telah dijalankan tanpa lesen yang sah dan tanpa kebenaran. Notis telah diberikan pada 12 Februari 2019 yang lalu sebelum operasi penyitaan dan perobohan dijalankan pada hari ini.

Kompaun dikeluarkan kepada premis berkenaan iaitu di bawah Seksyen 46(1) a, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (mendirikan tiang/ struktur di tempat awam) dan Undang-Undang Kecil 3 Tred Perniagaan dan Industri (MPS) 2007. Premis dikenakan kompaun sebanyak RM 1,000.

Operasi ini melibatkan seramai 18 orang penguatkuasa MPS yang diketuai oleh En. Megat Ainul Fadzil bin Ainul Fadzil, Penolong Pegawai Penguatkuasa bersama 7 orang anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), 3 orang daripada Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan 2 orang daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Melalui operasi ini juga, didapati bahawa premis berkenaan tidak mempunyai meter elektrik dan sumber bekalan air yang tidak dapat dikenalpasti. Tindakan menyita barangan di premis tersebut telah dilakukan.

Premis yang telah dirobohkan ini akan dinaiktaraf dan dijadikan kawasan parkir bagi pengunjung Tasik Biru. Langkah yang diambil oleh MPS ini juga merupakan satu usaha untuk menarik pengunjung datang beriadah di Tasik Biru Kundang.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

**EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.**

Pengarah

Jabatan Korporat

b/p Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 21 Februari 2019